Ibrahim bin Sa'ad

DALAM BURUAN

BIRO KESUSASTRAAN BORNEO

DALAM BURUAN

oleh

IBRAHIM BIN SA'AD

dilukis oleh

SAUFI CHEE

BIRO
KESUSASTRAAN
BORNEO

© Borneo Literature Bureau, 1977
(Dianjurkan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri
Sarawak dan Sabah)
Jalan Tun Haji Openg,
Kuching, Sarawak,
Malaysia.

Dicetak oleh
International Times,
Kuching.

Sejak sepuluh hari aku berada di rumah Penghulu Lunang kejadian ganjil tiba-tiba berlaku di dusun itu, iaitu Dusun Lalang. Telaga kepunyaan seorang tua yang bernama Pak Zuris tiba-tiba menjadi telaga ajaib. Setiap detik telaga itu mengeluar bobokan, seperti ada sesuatu benda yang ajaib di dasarnya. Dari pecahan bobokan-bobokan yang sebesar lengan itu pula keluar asap-asap halus seperti embun.

Mengikut cerita yang kudengar dari anak Penghulu Lunang kejadian itu bermula sejak telaga itu didatangi oleh dua lembaga yang serupa dengan manusia.

Terang-terang tanah suatu pagi Pak Zuris pergi ke telaga kerana hendak mengambil air. Dari jauh tiba-tiba dia terlihat dua lembaga berlari-lari dari telaga memecah kabus masuk ke dalam hutan yang tidak berapa jauh dari situ. Pagi itu dia belum

melihat kejadian apa-apa, tetapi dua hari kemudian air di tengah-tengah telaga itu mengeluar bobokan.

Beberapa hari sebelum Pak Zuris melihat dua lembaga itu dia pernah bermimpi kononnya seorang tua berjanggut panjang datang kepadanya. Orang tua itu berpesan supaya dia jangan sekali-kali mengusik benda yang diletak di dasar telaga itu. Sesiapa yang berani mengacau benda itu akan menerima akibatnya.

Pesanan orang tua itu menimbul tanda-tanya di kepala Pak Zuris. Mengapa benda itu tidak boleh diusik. Semakin difikirnya kejadian itu semakin bimbang perasaannya. Akhirnya dia teringat kepada seorang bomoh yang pandai tilik-menilik di dusun itu. Dia pergi ke rumah tok bomoh itu kerana hajat hendak mengetahui benda yang membobok-bobok di dasar telaga itu.

Bomoh itu diajaknya pergi ke telaga itu. Setibanya mereka di telaga itu bomoh itu pun berdiri di tepi telaga itu sambil membaca-baca mentera dan melihat ke permukaan air telaga itu. Kemudian dia memberi tahu bahawa telaga itu telah direstui oleh jin. Sebarang hajat boleh dipinta dari telaga itu.

Mendengar penjelasan ini fikiran Pak Zuris menjadi lega. Sekurang-kurangnya tentu telaga itu akan mendatang berkat kepada keluarganya. Kerana itu

timbul di dalam fikirannya untuk mengambil air telaga itu untuk dijadikan pengubat orang-orang sakit.

Sejak telaga Pak Zuris dikatakan menjadi telaga ajaib banyaklah orang datang melihat ke situ. Selama beberapa hari telaga itu selalu dikunjungi oleh orang.

Setiap orang yang datang mengunjungi bertambah merasa ajaib apabila melihat seekor ular tedung terapung-apung dipermukaan airnya. Apabila melihat orang-orang yang datang ke telaga itu ular itu lari ke tepi. Kata bomoh ular itu ialah penunggu telaga ajaib itu. Cerita tentang telaga Pak Zuris semakin semarak di kalangan orang-orang dusun tempat aku tinggal itu.

Ada juga orang mengatakan Pak Zuris pernah menggunakan air telaga itu untuk mengubat anak-anaknya yang sakit; semuanya sembuh. Mungkin mendengar berita itu pada suatu hari seorang dari dusun lain pergi ke rumah Pak Zuris untuk berubat. Orang itu kononnya telah pergi berubat ke rumahsakit, tetapi belum juga sembuh. Kerana itu dia berharap-harap semuga telaga Pak Zuris dapat menyembuh penyakitnya, kerana ianya sebuah telaga ajaib.

Sehari dua sesudah Pak Zuris mengubat pesakit itu, dia sudah mulai beransur-ansur sihat. Mulai dari hari itu telaga Pak Zuris semakin menjadi telaga yang dikagumi oleh orang-orang dusun itu. Setiap hari ada-ada sahaja orang yang datang berubat di rumah Pak Zuris. Sejak itu juga rezeki Pak Zuris menjadi

bertambah sebab mereka yang datang berubat itu setidak-tidaknya memberi sedikit sedekah.

Di antara orang yang banyak yang datang berubat itu ada juga yang tidak sembuh diubat dengan air telaga itu. Mereka ini merasa hampa, tetapi Pak Zuris tidak lupa memberitahu setiap yang datang berubat kepadanya bahawa benda yang di dalam telaganya itu tidak boleh diusik.

Kerana semakin hari semakin banyak orang kenal kepada Pak Zuris dan rezekinya bertambah banyak, maka timbullah hasad-dengki di kalangan beberapa orang penduduk dusun itu. Mereka ini ingin benar hendak mengetahui benda ajaib yang ada di dasar telaga itu. Di antara orang yang benar-benar benci dengan tuah Pak Zuris itu ialah seorang yang bernama Zaki. Dia menanti-nanti peluang untuk mencari rahsia yang ada di dasar telaga itu.

Pada suatu malam tiba-tiba suatu bunyi yang keras memecah keheningan malam itu. Bunyi itu amat keras hingga menggegarkan bumi di seluruh dusun itu dan mengejut orang-orang yang sedang tidur nyenyak. Kebetulan juga waktu itu sudah dinihari.

Setiap orang yang bangun kerana terkejut oleh bunyi itu merasa sungguh-sungguh hairan, kerana mereka jarang-jarang mendengar bunyi seperti itu. Bunyi itu datangnya dari telaga ajaib Pak Zuris. Mungkin ada suatu benda yang pecah berhampiran

dengan telaga itu. Ada setengahnya menyangka barangkali gunung berapi yang membobok-bobok di telaga Pak Zuris itu meletup dan mengeluarkan laharnya. Mereka menunggu, tetapi tidak ada letupan lain.

Awal-awal pagi ada orang membawa berita dari rumah Pak Zuris. Aku cuma sempat mendengar cebis-cebis berita itu. Kata orang yang membawa berita itu ada orang yang terkena satu letupan. Badannya berkecai dan sendi-sendinya beterbangan.

"Letupan apa?" tanya Penghulu Lunang.

"Menanti pengesahan polis. Tadi sudah ada orang yang melapur ke balai polis, ' kata orang yang membawa berita itu sambil berlalu dari situ, meninggalkan Penghulu Lunang tercengang-cengang.

Pukul sembilan pagi Munir anak penghulu itu baharu balik dari melihat kejadian ngeri yang berlaku itu. Katanya yang meletup pada malam itu ialah sebutir bom yang dipasang orang di dalam telaga Pak Zuris. Bom itu berpusatkan sejenis alat yang boleh mengeluar bobokan, seperti alat yang diletak orang di dalam tangki atau kaca tempat memelihara ikan.

Selanjutnya Munir mencerita kepadaku bahawa pusat peletup itu dipijak oleh Zaki. Menurut kenyataan pihak yang berkuasa mungkin Zaki meraba-raba benda itu dengan kakinya. Kemudian benda itu dipijaknya

kuat-kuat, kerana dia bertujuan mengambil atau mengangkat benda itu. Kerana benda itu pemetik atau peletup bom itu, maka bom itu pun meletup dan mengena ke seluruh badannya.

Polis meminta orang berjaga-jaga kerana perkara meletak bom itu dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk memerangkap sesiapa sahaja yang mengusik benda itu.

Mulai dari hari itu orang-orang dusun itu selalu sahaja menceritakan tentang kominis. Cerita tentang telaga ajaib Pak Zuris sudah diganti oleh cerita perangkap bom.

Ada setengah orang menyangka Zaki hendak memasang bom di telaga itu. Kerana tidak cukup pandai memasang bom itu dia telah terkena letupan itu. Cerita ini cuma cerita mulut orang dusun itu sahaja.

Orang-orang dusun itu merasa khuatir dengan kejadian itu; terutama sekali aku, kerana akulah orang dicari-cari mereka. Pihak kerajaan juga mencari-cari orang yang seperti aku. Kawan-kawan seperjuangankumenyangka aku sudah menyerah diri kepada pihak yang berkuasa. Aku menghilang tidak diketahui mereka, tetapi aku pernah menyatakan hasratku hendak menyerah.

Semasa aku menyatakan hasrat itu kepada teman-teman dulu mereka mengejek-ngejek aku. Aku di-

katakan mereka pengecut dan penakut. . Semua itu aku terima. Aku sudah tidak senang dengan perjuangan ini lagi, kerana sebelum itu aku telah menerima sepucuk surat sulit dari seorang temanku yang sama-sama sekolah denganku dulu.

Di dalam surat itu teman itu menulis, "Janganlah engkau mensia-siakan umurmu di dalam perjuangan itu. Sebaik-baiknya engkau berfikir baik-baik. Dan ambillah peluang yang diberi oleh kerajaan untuk menyerah diri. Tidaklah semuanya kita mesti menjadi ahli politik dan tidak pula semuanya kita mesti jadi tentera dan tidak pula kita mesti memaksa orang supaya menerima fikiran kita dan tidak pula mesti menolak dan membenci fikiran orang lain. Bunuh-membunuh bukanlah perkara yang baik, bahkan ianya menanam rasa benci di kalangan manusia."

Begitulah kandungan surat kawanku itu. Aku memang mahu menyerah, tetapi aku masih ragu-ragu. Aku menunggu peluang baik untuk menyerah diri.

Sejak berlakunya letupan itu dan sejak pihak yang berkuasa mengumum bahawa kominis mulai memasuki kawasan itu Penghulu Lunang tidak mahu beramah-ramah denganku lagi. Hanya Munir sahaja yang tidak berubah lakunya terhadapku. Kadang-kadang waktu aku ingin berbual-bual dengan Penghulu Lunang, dia acuh tak acuh sahaja dengan cakapku. Kadang-kadang

dia memaling mukanya ke arah lain. Aku tidak tahu apa yang telah berlaku di belakangku.

Keadaan yang tiba-tiba berubah ini menyebabkan aku tidak merasa tenteram. Di kala itu mahu rasanya aku lari lagi dari situ. Tambahan desas-desus mengatakan yang tempat itu akan dijalankan perintah berkurung.

Entah mengapakah pada suatu pagi Penghulu Lunang tiba-tiba dipanggil ke pejabat daerah. Setidak-tidaknya dia akan berada di bandar dua atau tiga hari, sebab kampungnya jauh dari pejabat daerah. Pemergian Penghulu Lunang itu amat mencemaskan aku.

"Mungkin berhubung dengan diriku," fikirku.

II

Malam itu gelap dan hujan turun renyai-renyai. Aku dan Munir tidur di dalam bilik berasingan. Penghulu yang tidak punya isteri itu masih belum balik dari bandar. Selepas berbual-bual petang itu Munir masuk ke dalam biliknya.

Sesudah memasang kelambu aku cuba melelapkan mataku. Mataku begitu degil tidak mahu tidur. Berbagai kenangan mengusik jiwaku. Tambahan pula pijat-pijat dari bawah tikar bemban itu senantiasa menggigit-gigit belakangku. Telingaku menangkap segala bunyi yang berlaku di luar rumah itu. Sekali

sekala kedengaran anjing menyalak jauh-jauh dari rumah itu. Lampu di dalam bilik kami nampak malap sahaja; susah untuk mengenal dari jauh siapa yang berbaring.

Sedang aku terbang di dalam angan-angan tiba-tiba aku dengar bunyi orang sedang mengelepar dan meronta-ronta dari bilik tempat Munir tidur; diikuti pula oleh bunyi orang terjun. Aku segera berlari ke bilik itu. Alangkah terkejutnya aku bila kulihat Munir menggelepar-ngelepar, dan darah keluar memancut-mancut dari perutnya yang tercacak dengan sebilah parang. Parang yang seakan-akan pedang itu menembusi perutnya hingga ke belakangnya dan melekat di lantai.

Munir kulihat tercungap-cungap. Aku hampiri dia.

'Aku, aku mati....." katanya. Tidak lama kemudian dia pun menghembus nafasnya yang terakhir. Matanya terbeliak.

Aku merasa hairan. Kulihat lehernya lebam-lebam bekas jari. Mungkin pembunuh itu mencekeknya sebelum menikamnya dengan parang supaya mangsanya tidak dapat bersuara dan mati di situ juga. Dari jendela yang terbuka dapat aku faham bahawa pembunuh itu masuk dan lari dari situ juga.

Aku perlahan-lahan melangkah ke belakang sambil berfikir. Apakah harus aku lakukan? Terfikir olehku

mungkin pembunuh itu hendak membunuh aku, tetapi dia tersalah orang.

Dengan tidak berlengah-lengah lagi aku memutus hendak meninggal rumah itu. Kalau aku menunggu lama-lama masaku untuk lari terbuang percuma. Aku perlu lari cepat, sebab kalau aku tinggal lama-lama mungkin aku akan dijumpai. Lebih dahsyat lagi kalau aku yang disangka membunuh Munir. Tentu aku akan diserah ke muka pengadilan. Sangkaan orang tentu berat, kerana aku sedia diketahui dari kumpulan yang ditakuti orang.

Sebelum aku melangkah keluar dari bilik itu aku melihat menerusi jendela tempat pembunuh itu lari terjun tadi. Aku melangkah masuk ke dalam bilik aku tidur tadi dan membiar jendela tempat pembunuh itu keluar terbuka. Kuambil sebilah pisau kemudian akupun membungkus barang-barangku.

Setelah mengunci rumah itu aku pun mula berjalan. Aku berhati-hati benar memilih jalanku supaya aku tidak melintasi rumah-rumah orang yang banyak anjing. Jalan yang kulalui itu kusuluh dengan sebatang lampu picit. Aku berjalan membongkok-bongkok sebab lampu picit kecil itu kurang terang. Bila jalan yang kutempuh itu luas sedikit akupun memadam lampu itu supaya mengurang penggunaan baterinya.

Sebagai orang buruan aku berjalan terhendap-hendap dan berhati-hati. Aku takut diburu oleh pihak

yang berkuasa dan takut pula pihak kawan-kawan seperjuangan yang kutinggalkan di dalam hutan. Mereka ini menunggu-nunggu peluang untuk membinasakan aku.

Keluar dari jalan besar aku masuk ke dalam kebun-kebun limau. Di dalam kebun-kebun ini rumputnya tidak begitu panjang. Tapi di sini aku lebih berhati-hati. Kadang-kadang aku berjalan di dalam parit supaya bekas-bekas kakiku tidak dapat dilihat orang. Yang aku takut ialah anjing-anjing akan menyalak menyebab tuannya bangun menyuluh. Nasib juga kebun orang itu tidak punya anjing. Mungkin kebun Melayu.

Dari situ aku terus berjalan ke lereng-lereng bukit di mana terdapat pokok-pokok pisang berjajar-jajar. Di sini aku tiba-tiba melanda dawai pagar kebun itu yang menyebabkan tin-tin susu yang digantung di dawai itu berbunyi nyaring. Aku sungguh terkejut.

Jauh sudah rasa aku berjalan. Dari paya naik ke lereng-lereng bukit dan turun dari situ melintasi pula kebun buah-buahan. Di sini sudah tidak berapa banyak rumah-rumah orang. Cuma kebun-kebun getah. Kebun-kebun seperti ini pernah aku lalui semasa aku masuk ke dusun ini dua puluh hari yang lalu; cuma aku tidak tahu kebun getah yang mana yang aku lalui sekarang, kerana malam terlalu gelap.

Setiap langkah aku maju ke depan cengkerek berbunyi bersahut-sahutan di sana sini. Setiap langkah

aku berhati-hati kerana takut terpijak semut api atau ular yang selalu berada di tanah seperti ini.

Ini bukanlah pertama kali aku merasa berjalan seperti ini. Bahkan sudah tiga tahun aku merasainya. Aku meninggal kehidupan sebagai pelajar dan kehidupan berladang yang diwarisi oleh ayah dan ibuku sejak aku memasuki hutan. Aku berharap-harap semuga keadaan ini segera berlalu.

Aku terus sahaja berjalan, kadang-kadang cepat dan kadang-kadang lambat sekali, kerana di tempat rumput-rumput yang panjang aku terpaksa merempuh rumput-rumput itu dan menolak-nolaknya ke tepi. Kadang-kadang aku berpeluang mengguna jalan kecil yang diguna oleh pemotong getah. Setelah melalui sebuah kebun getah aku pun sampai ke sebuah pondok. Tidak jauh dari pondok itu ada sebuah telatap kecil.

Biasanya telatap kecil di dalam kebun jarang-jarang didiami orang. Aku lalu di tepi telatap itu sambil menyuluh-nyuluh di depanku. Di dalam keadaan ini tiba-tiba sahaja satu pukulan hebat menghentam kepalaku. Aku rebah. Pandanganku mulai gelap. Lepas itu aku tidak tahu apa yang terjadi.

Beberapa ketika kemudian baharulah aku sedar. Aku merasa kepalaku masih sakit. Aku meraba-raba pisau dan lampu picitku. Semuanya ada. Aku cuba meraba kepalaku dengan jari-jariku. Kudapati darah

menitis dari luka itu. Aku hairan mengapa aku dipukul dan kemudian dibiar di situ.

Aku tidak mahu bergerak bangun sebab aku mahu mendengar kalau-kalau orang yang memukul aku masih di situ.

Lama aku menanti tetapi tiada bunyi orang. Aku percaya orang itu tetap masih memerhati aku. Mungkin dia sedang bersembunyi di atas pondok itu. Mungkin juga dia tersalah orang, sebab dia tidak membuat apa-apa lagi.

Aku cuba bangun dan merangkak perlahan-lahan ke depan, supaya orang yang memukul itu menyangka yang aku sudah parah. Kantungku masih tersangkut di badanku. Aku merangkak perlahan-lahan. Apabila sudah agak jauh aku pun bangun. Aku berjalan terus menuju ke tepi hutan. Hari sudah mulai siang. Aku berhenti di tepi hutan itu. Rengit dan nyamuk semakin banyak menghisap darahku. Kukebas-kebas nyamuk dan rengit-rengit itu.

Tidak berapa lama aku duduk di situ tiba-tiba kudengar bunyi dahan kecil patah dipijak tidak berapa jauh dari tempat aku duduk itu. Mendengar bunyi ini degup jantungku semakin cepat. Aku menyangka mungkin ada orang sedang mengintip. Aku meraba-raba p au yang terikat pada betisku. O-o-o-p. Tiba-tiba satu bunyi datang dari tempat itu. Ketika itu

barulah aku tahu. Rupa-rupanya seekor babi hutan sedang berjalan atau mencari makan di tempat itu.

Tidak berapa lama aku menunggu hari pun siang. Aku terasa lapar tetapi aku tidak punya bekal. Yang ada padaku ialah kain pelikat warna biru, dua helai seluar panjang, sehelai tuala lama dan dua helai seluar dalam atau seluar pendek.

Aku tidak mahu menunggu lama-lama. Aku mesti berjalan lagi; kalau-kalau berjumpa rumah orang. Di sana nanti aku akan meminta makanan dan membeli barang-barang. Wangku masih ada seratus ringgit. Kalau boleh aku hendak bekerja di ladang getah. Setidak-tidaknya aku akan dapat juga sedikit wang untuk menyara hidupku hari-hari.

Sehari-hari itu aku berjalan. Bila terasa penat aku berhenti dan bila terasa letih dan lapar aku minum air lopak dan anak-anak sungai. Entah berapa kali aku naik bukit turun bukit, masuk paya keluar paya. Nasib baik aku tidak berjumpa dengan orang-orang yang sedang memburu aku.

Petang itu kira-kira pukul tiga aku pun sampai ke sebuah ladang getah. Aku berjalan mengikut jalan kecil di celah-celah pohon getah itu. Apabila aku sampai ke lereng sebuah bukit aku terlihat ada rumah orang di sebelah bukit itu. Aku perlahan-lahan turun

bukit itu sambil memerhati kalau-kalau ada pihak yang berkuasa sedang meronda di kawasan itu.

Aku mengikut jalan kecil tadi, yang memang menuju ke rumah itu. Apabila sampai ke kaki tangga aku pun naik dan memanggil orang rumah itu. Sekali panggilan tiada orang yang menyahut; sekali pun pintu itu terbuka. Hatiku mulai berdebar-debar. Entah siapa penghuni rumah itu. Bunyi air orang sedang mencuci sesuatu terdengar di dapur, tetapi orang di dalam itu tidak menyahut panggilanku. Aku pun memanggil sekali lagi. Kali ini barulah panggilanku disahut - dari bawah rumah itu.

Rupa-rupanya orang rumah itu sedang bekerja di kebunnya yang tidak berapa jauh dari rumah itu. Kebun sayurnya amat subur. Daunnya besar-besar dan menghijau.

Orang itu berjalan perlahan-lahan ke arahku. "Apa dibuat?" tanyaku.

"Membuat kebun sayur", jawabnya sambil menanya balik kepadaku, "Kau datang darimana?"

"Aku ini seorang pengembara," jawabku. Aku merasa takut juga untuk menyatakan tentang diriku yang sebenarnya. Seterusnya aku bertanya, "Bolehkah aku tumpang bermalam di sini?"

"Apa salahnya," jawab orang itu. Lelaki itu nampaknya peramah dan sudah lalu separuh umur.

Sungguhpun badannya tegap dia hanya berdiri separas dengan daguku.

"Siapa di rumah?" tanyaku lagi.

"Anak-anak perempuanku," jawabnya. "Mereka semuanya penakut. Kalau ada orang yang tidak dikenali datang ke sini mereka tidak mahu menyahut. Marilah naik," pelawanya.

Kami berdua pun naik. Dia naik dulu disusuli olehku.

Sampai di atas kami pun duduk di kerusi usang, dan berbual-bual.

"Aku lupa tanya namamu," tiba-tiba dia memulakan perbualan itu.

"Namaku ialah Ah Nam," katanya lagi.

Aku diam sebentar. "Ya, lupa aku perkenalkan diriku," kataku. "Namaku Loo Cheng." Namaku sebenar bukanlah Loo Cheng, tetapi aku berbohong untuk menyelamatkan diriku.

Tidak lama kami berbual-bual anak dara Ah Nam pun datang membawa kopi yang masih panas. Sementara menanti kopi itu sejuk kami berbual-bual lagi. Sambil bercakap-cakap itu Ah Nam mengesat peluh dari dahinya dengan sehelai tuala yang sedia

tergantung di belakang kerusi itu. Hari itu memang panas; peluh Ah Nam tidak berhenti-henti mengalir dari dahi dan belakangnya yang tidak berbaju itu; tambahan dibawa minum kopi pula.

Kira-kira sejam kami berbual-bual isteri Ah Nam pun naik. Ah Nam memperkenal aku kepada isterinya. Sesudah bertanya tentang diriku isterinya pun menghilang diri ke dapur.

Dari sehari ke sehari di rumah Ah Nam aku sudah mesra benar. Aku bukan sahaja bermalam di rumah itu, malah aku sudah hampir menjadi penghuninya. Tiap hari sejak aku di sini aku bekerja menoreh getah. Sungguhpun demikian setiap hari tidaklah aku merasa tenteram. Setiap detik aku merasa ada-ada sahaja orang yang memburu aku. Setiap dahan yang patah dan setiap daun yang jatuh berhampiran denganku semasa aku menoreh aku tuleh. Seolah-olah benda-benda itu orang yang datang mengintip aku.

Pada suatu tengahari ketika aku duduk di tepi jendela rumah itu tiba-tiba aku nampak dua orang keluar dari semak yang tidak berapa jauh dari rumah itu dan menuju ke rumah itu. Aku segera berjumpa dengan Ah Nam dan memberitahunya supaya dia jangan memberitahu ada orang lain menumpang di rumahnya. Ah Nam mahu bekerjasama denganku. Aku turun dan bersembunyi di dalam belukar yang tidak jauh dari situ.

Dari celah-celah pokok dapat aku melihat orang

dua orang itu naik. Sebentar kemudian mereka berdua menghilang ke dalam ruang rumah itu. Tidak lama kemudian mereka turun lagi, kemudian menghilang ke dalam semak-semak tempat mereka keluar tadi.

Beberapa ketika sesudah itu baharulah aku keluar dari tempat persembunyianku. Ah Nam masih duduk di atas kerusi. Aku terus bertanya, "Apa yang mereka mahu?"

"Mereka bertanya kalau-kalau ada orang yang menginap di sini. Nasib engkau tidak bersembunyi di rumah ini. Semua sudut dan bilik di dalam rumah ini mereka periksa. Aku kata tak ada orang yang menginap di sini, tetapi mereka tidak percaya."

Dua hari kemudian mereka datang lagi ke rumah itu. Kali ini aku memang sudah berada di tempat yang tersembunyi dari pandangan mereka. Ah Nam ketika itu sedang menggiling keping-keping getah. Dia terpaksa naik bila mereka mengajaknya naik. Tidak berapa lama kemudian mereka keluar seperti dua hari yang lalu.

Bila aku dan Ah Nam berbual-bual waktu makan tengahari itu Ah Nam berkata, "Esok orang-orang itu akan melakukan intipan, sebab ada orang memberitahu mereka di sini ada orang yang menginap."

Dari keterangan Ah Nam ini aku sungguh-sungguh merasa khuatir. Lalu aku pun memberitahu Ah Nam

yang aku akan pergi meninggalkan tempat itu pada malam itu.

Kira-kira pukul lapan malam itu aku pun berjalan masuk ke dalam hutan. Setelah berjalan beberapa ketika aku pun sampai pada suatu tempat; mungkin berhampiran dengan kuburan. Sedang aku lalu di tempat yang lengang itu tiba-tiba aku terdengar satu pekikan di belakangku. Aku menoleh sambil menyuluh ke situ. Serasa terbang segala ingatanku, apabila aku lihat seorang perempuan tua bongkok berambut panjang menghurai tidak jauh dari belakangku. Mukanya tidak tentu rupa, hampir seperti rupa tengkorak. Aku lari lintang-pukang dari tempat itu.

III

Aku merasa sungguh letih. Kakiku luka-luka dikait unak dan ditikam duri. Baju dan seluarku cubak-cabik. Lembaga itu menghilang bila aku naik radang dan berpaling hendak menyerang. Entah ke mana tuju lembaga itu lagi. Aku terus sahaja berjalan dengan langkah lunglai.

Hari masih jauh malam. Aku berjalan terus. Setelah menurun sebuah bukit aku tiba-tiba masuk di dalam tebasan orang. Aku percaya tempat itu baru ditebas sebab daun-daun kayu yang di situ belum layu benar. Mungkin orang yang menebas bermaksud hendak bertanam pokok buah-buahan di tempat itu,

Serasa terbang segala ingatanku apabila aku lihat seorang perempuan tua bongkok berambut panjang menghurai di belakangku.

sebab anak-anak buahan banyak di tanam tidak berapa jauh dari situ.

Tidak berapa jauh dari tempat itu ada sebuah pondok yang hanya beratap dan berdinding separuh sahaja. Aku menyuluh ke dalam pondok itu, tetapi tiada orang yang tinggal di situ. Sementara menunggu hari siang aku naik ke pondok itu dan berhenti di situ. Entah mengapa mataku terlalu mengantuk. Dengan tidak kusedari aku sudah terlena tidur.

Aku tiba-tiba terbangun oleh dengkurku sendiri. Kalau ada orang yang hendak menjahanamkan aku sudah pasti aku akan parah dibuatnya tanpa dapat melawan lagi.

Sebentar selepas aku terjaga kudengar ada kokok ayam tidak berapa jauh dari situ. Aku yakin tentu di sana ada rumah orang. Terasa senang sedikit hatiku sebab kalau orang jahat berada di tempat itu sudah pasti mereka tidak akan memelihara ayam. Kerana itu aku memejamkan mataku semula. Nasib juga nyamuk tidak begitu banyak.

Aku tidur begitu nyenyak malam itu. Bila aku terjaga jam sudah hampir pukul enam pagi. Aku bangun dan duduk di tepi pondok itu sambil menjuntai kakiku ke bawah. Kuperhati jauh-jauh ke depanku itu. Di sana kelihatan sebuah rumah di kelilingi oleh pokok buah-buahan. Beberapa ela dari

rumah itu ada beberapa batang punggur kayu. Dari jauh kelihatan punggur itu dibaluti sejenis tumbuhan.

Aku teringat pada rumah kami bila melihat keindahan di sekitar rumah itu; hingga tidak aku sedari matahari sudah mulai menjenguk di upuk timur. Aku turun dari pondok itu dengan mengelunsur punggungku dan menyangkut kantung barang-barang di atas bahuku.

Aku mencecah kakiku ke bumi dan terus berjalan merempuh rumput yang panjangnya sehingga ke betisku. Aku berjalan menurun bukit itu sambil melihat-lihat kalau-kalau ada orang yang mengintip aku. Tiada seorang manusia pun yang nampak. Aku terus turun bukit itu sehingga aku sampai ke kakinya. Jauh sedikit dari situ ada sebatang anak sungai yang kecil.

Apabila aku sampai dekat sebuah parit yang digali oleh tuan punya ladang itu aku nampak sayur-sayur kangkung tumbuh dengan suburnya. Dekat lereng bukit, tidak jauh dari tempat aku berjalan itu, kelihatan sayur-sayuran lain tumbuh dengan subur juga.

Aku naik sekali lagi ke lereng bukit itu. Di sana sini di atas bukit itu ditanam ubi-ubi keledek. Tidak berapa jauh dari rumah itu juga kelihatan sebuah kandang babi. Kedengaran dari jauh babi-babi itu

berkelahi atau berebut makanan di dalam kandang. Aku terus berjalan naik ke atas bukit itu.

Apabila aku sampai ke tepi rumah itu aku lihat seorang wanita muda sedang memberi makan ayam. Dia menoleh ke arahku sambil tersenyum. Aku membalas senyumannya. Entah mengapa dia senyum. Mungkin dia melihat pakaianku yang rabak sumbing.

"Rumah siapa ini?" tanyaku.

"Rumah kami," jawabnya singkat.

"Ada orang di rumah?"

"Bapaku."

Mendengar percakapan kami berdua tiba-tiba orang tua itu menjengok dari jendela rumah itu. Kemudian kedengaran pula suara dan hentakan kaki berebut-rebut berlari ke jendela lain. Mata mereka yang menjenguk dari jendela itu masing-masing tertumpu padaku.

"Darimana kau datang pagi-pagi begini?" tanya orang tua itu.

'Saya sesat jalan."

'Mengapa tak naik?'

Aku memang mahu naik. Bak kata orang: "bagai orang mengantuk disorongkan bantal". Dengan

pelawaan orang tua itu aku terus sahaja melangkah menuju ke kaki tangga dan terus naik.

"Masuk," jemput orang tua itu dari dalam bila aku sudah berada di kepala tangga. Aku melangkah masuk sambil memandang tepat pada wajah orang tua yang bermuka bujur dan banyak bintik-bintik tahilalat itu. Aku kemudiannya duduk di kerusi yang ditunjukkannya.

Tentu sahaja aku kelihatan ganjil padanya. Sudahpun bajuku rabak-sumbing, rambutku pula tidak disikat. Muka dan tanganku pula luka-luka. Kakiku berbelulang.

"Lama sudah engkau dalam hutan?"

"Baru malam ini."

"Dah makan?"

"Belum."

"Bawakan sarapan pagi untuk dia," perintah orang tua itu kepada anak perempuannya yang sedang berdiri melihat aku dari ambang pintu dapur. Gadis itu menghilang ke dalam. Sebentar kemudian dia membawa sepinggan bubur. Sebenarnya mereka tadi sedang menikmati sarapan pagi; sebab mangkuk nasi bubur masih ada di situ. Mangkuk-mangkuk itu masih separuh berisi.

"Siapa namamu?"

"Kee Lang," kataku.

"Kau hendak ke mana lagi sesudah ini?" tanya orang tua itu sedang kami menikmati sarapan pagi itu.

"Kalau dapat hendak mencari kerja."

"Saya tak dapat hendak menggaji orang. Kalau engkau hendak bolehlah engkau memotong getah. Engkau boleh tinggal bersama kami."

"Itu pun baik. Saya tidak memilih kerja."

Mulai dari hari itu tinggallah aku dengan keluarga Moh Lee; begitulah nama lelaki tua itu. Sungguhpun dia sudah agak tua, tetapi dia masih kuat; ini terbukti dari kerjanya sehari-hari.

Setiap orang dari anggota keluarganya bekerja keras. Masing-masing mereka memain peranan hidup di dalam keluarga itu. Hatiku amat tertarik dengan cara-cara mereka bekerja setiap hari. Pagi aku datang itu rupanya mereka sedang berehat-rehat. kerana sudah terlalu penat setelah habis mencangkul dan menanam sebuah ladang getah.

Kerana tugas-tugas yang begitu banyak hampir semua anggota dari keluarga ini tidak di rumah pada waktu-waktu bekerja; hanyalah Moh Ann orang yang pertama aku jumpai pagi itu sahaja yang tinggal di rumah. Bila aku balik dari memotong getah orang

yang mula-mula aku lihat ialah ibu Moh Ann yang bekerja tidak jauh dari rumah itu, kemudian Moh Ann.

Peluang ini telah menjadikan aku dan Moh Ann mulai bermesra-mesra. Kadang-kadang timbul fikiranku hendak berhenti memotong dan duduk di rumah, supaya dapat bercakap-cakap dengan Moh Ann. Tetapi aku terasa malu, sebab takut dikatakan pemalas. Moh Ann pula kalau sudah habis memasak selalu sahaja datang ke tempat aku membuat keping-keping getah. Kadang-kadang dia menjenguk dari jendela dapur dan bercakap-cakap denganku dari jauh.

Semakin lama hubungan kami semakin rapat. Pada suatu hari setelah aku membuat keping-keping getah aku naik untuk mengambil tuala mandi. Aku dapati pintu rumah itu bertutup. Aku merasa hairan. Baharu tadi Moh Ann datang ke tempat aku membuat keping-keping getah. Setelah berbual-bual dia mengajak aku naik. Aku belum hendak naik sebab keping-keping getah itu belum habis kugiling.

Kuketuk-ketuk pintu, tetapi tiada suara orang menyahut dari dalam. "Ke mana pergi Moh Ann?" fikirku. Aku tolak pintu itu dengan kuat sedikit. Pintu itu berderek terbuka. Aku masuk. Aku menuju ke bilik tempat aku tidur. Kucari-cari tualaku di tempat aku selalu menggantungnya, tetapi tidak ada. Aku merasa hairan.

"Kau mencari aku?" tiba-tiba suara kecil menyapa aku dari sudut bilik itu. Aku menoleh. Moh Ann

sedang berlindung di balik tuala itu. Dia senyum memandang ke arahku.

"Mengapa kau tak buka pintu?" tanyaku sambil membalas senyuman Moh Ann.

"Pintu tak berkunci. I'au marah?"

"Tidak," jawabku. Aku menghampiri dia. Moh Ann tepat memandang pada wajahku tanpa berkelip-kelip. Aku juga begitu. Dari pandangan mata Moh Ann yang tajam kurenung hingga ke seluruh mukanya yang bujur telur itu. Kurapat badanku kepadanya dan kedua tanganku memaut badannya erat-erat. Moh Ann membisu dan tangannya juga memaut badanku.

Sejak dari hari itu selalulah kami berdua-duaan seperti itu. Dan sejak kebelakangan itu Moh Ann selalu mengadu kepadaku kepalanya sakit-sakit, dan tidak bernafsu makan. Sekali sekala ada pula Moh Ann mencerita kepadaku pegawai kerajaan datang ke situ. Mendengar cerita dari Moh Ann aku mulai gelisah.

Lima bulan setelah aku berada di rumah Moh Ann tiba-tiba pada suatu hari bapa Moh Ann naik radang. Kudengar Moh Ann menangis teresak-esak. Rumah itu legap-legup ditendang oleh bapanya. Mungkin juga

Moh Ann ditendang atau ditamparnya. Tidak lama kemudian orang tua itu datang kepadaku.

"Engkau inilah yang telah membuat malu kepada keluargaku. Kau tahu Moh Ann sudah mengandung! Sudahpun kami terima engkau di sini engkau membuat fasal pula. Aku tidak suka engkau tinggal di sini lagi. Kalau engkau tidak mahu lari dari sini aku akan beritahu kepada kerajaan supaya mereka menangkap engkau. Engkau faham tak bahawa pegawai-pegawai kerajaan sedang mencari engkau!" Orang tua itu cukup marah. Matanya merah dan bibirnya terketar-ketar.

Aku tidak menjawab. Aku masuk ke dalam bilikku untuk mengemas barang-barang. Aku tidak lupa pada pisau dan lampu picit yang sudah kupesan membeli baterinya kepada Moh Lee sejak sebulan yang lalu. Waktu itu ingin rasanya aku berjumpa dengan Moh Ann untuk menyatakan yang aku akan pergi pada petang itu; tetapi aku tidak berani mendekatinya lagi. Aku percaya Moh Ann dapat mendengar segala kata-kata ayahnya kepadaku tadi.

Aku berharap Moh Ann menjenguk di jendela di kala aku meninggalkan rumah itu kelak. Kalau ada peluang aku akan mengeluar sepatah dua kata sebelum aku pergi.

Setelah mengemas barang-barang aku pun berjalan turun dari rumah itu. Benar juga seperti yang aku

harap-harapkan. Moh Ann ada menjenguk di jendela waktu aku berjalan di tepi rumah itu.

"Aku pergi Ann," kataku. "Kalau aku sudah bebas aku akan menjumpaimu."

IV

Dari rumah Moh Lee aku berjalan mengikut tebing sebuah sungai, menuju ke hilir. Lewat petang aku pun sampai dekat kawasan sebuah rumah yang tidak begitu besar. Rumah itu sebesar dapur rumah biasa sahaja. Mengikut pandangan mata panjangnya adalah kira-kira duapuluh kaki dan lebarnya lapan belas kaki. Tinggi-nya dari tanah setinggi kepala dan dapurnya dibuat menganjur pada bahagian belakang.

Di sekitar rumah itu ditumbuhi pokok-pokok buahan dan rumpun-rumpun buluh yang besar-besar dan tinggi-tinggi. Rumah itu seolah-olah diselimuti oleh hutan tebal. Tidak jauh dari rumah itu ada pula sebuah pondok yang beratap zing, sama seperti atap rumah itu. Pondok itu berlantaikan tanah sahaja. Dari dalam pondok ini kedengaran bunyi lintang-lintung.

Bila aku hendak masuk ke dalam kawasan rumah ini tiga ekor anjing besar dan garang datang menyalak

dan hendak menggigit aku. Seekor daripadanya sebesar kambing biri-biri.

Mungkin tuan punya anjing itu ada memerhati aku bila anjing-anjing itu menyalak kerana sekejap itu juga dia datang kepadaku dan memburu anjing-anjing itu. Sungguhpun mereka sudah diburu, tetapi mereka masih juga terus menyalak. Tuan mereka pun menarik tali yang sedia terikat pada anjing-anjing itu.

Tuan punya anjing ini peramah orangnya. Dia mempelawa aku masuk dan mengatakan anjing-anjing itu tidak garang. Dia adalah seorang lelaki tua yang kurus dan tinggi lampai. Mukanya bujur dan panjang. Rambutnya bergunting pendek dan sudah putih beruban. Dari kaca mata putih yang dipakainya itu jelas sekali biji matanya besar dan menonjol. Pada pandanganku mungkin dia sudah berumur enam atau tujuhpuluh tahun.

Tetapi ada yang agak pelik pada kelakuan orang tua ini. Dia hanya berseluar pendek dan berbaju singlet. Sebagai seorang tua sepatutnya dia memakai baju dan seluar yang panjang. Mungkin juga itu kebiasaan baginya.

Dia menyeret dan mengikat anjing-anjing itu ke tiang, kemudian mengajak aku naik ke rumahnya. Anjing-anjing tadi terus juga menyalak. Sambil

11211

berjalan itu dia bertanya dengan suara yang agak parau, "Engkau datang darimana?"

"Aku ini sesat jalan. Mula-mula aku ditinggalkan oleh kawan-kawan. Esok aku mahu menerus perjalananku balik ke tempat aku sendiri. Untuk malam ini aku ingin menumpang di sini," kataku.

"Menumpang itu tentu aku tidak keberatan menerimanya, tapi aku ingin tahu juga pekerjaanmu. Aku juga terlupa hendak bertanya namamu." Orang tua itu bercakap dengan nada keras sedikit di dalam perkara ini, seolah-olah ada sesuatu yang ingin diketahuinya..

"Nama saya ialah Tee Lam. Saya sebenarnya tidak bekerja apa-apa, cuma menoreh getah beberapa hari yang lalu. Kalau ada kerja saya ingin bekerja," kataku lagi.

"Kerja itu memang tetap ada di mana-mana saja. Kalau engkau mahu kerja tunggu saja esok. Aku akan beri engkau kerja asalkan engkau mahu membuatnya," katanya.

Dari pondok beratap zing tadi masih terdengar bunyi lintang-lintung memekak telinga. Timbul fikiranku hendak bertanya apa yang dibuat orang di situ. "Apa yang dibuat orang lintang-lintung itu, Pak?" tanyaku.

"Itulah anak-anakku sedang membuat besi. Kalau

engkau mahu engkau boleh menolong mereka. Banyak orang bekerja cepat kerja itu boleh siap. Kerja itu perlu disiap cepat-cepat kalau boleh. Malam nanti besi-besi itu akan dipasang dan disimpan jauh sedikit dari sini," katanya menerangkan.

Aku merasa harian mendengar kenyataan orang tua itu. Aku menunggu esok yang akan menentukan apa kerja yang akan disuruhnya aku membuat.

Hari menjelang petang. Sang suria mulai beradu ke peraduannya. Di ufuk barat kelihatan awan merah memanjang di kaki langit. Awal-awal tadi orang tua itu sudah menunjuk kepadaku tempat tidur, tempat mandi dan tempat buang air. Anak-anaknya yang bekerja hempas-pulas tadi sudah balik dari tempat bekerja.

Orang tua itu memperkenalkan aku kepada mereka berdua. Mereka ini nampaknya acuh tak acuh sahaja melihat aku. Mereka berdua itu pada pandanganku sudah lewat separuh umur. Seorang tidak kurang dari empatpuluh tahun dan yang seorang lebih tigapuluh tahun. Tubuh badan mereka hampir sama dengan bapa mereka. Cuma yang tidak sama ialah tingkah-laku mereka. Nampaknya mereka ini tidak punya anak isteri.

Setelah kami duduk, seorang daripada mereka pergi ke dapur. Kedengaran barang-barang di dapur itu berantuk dibuatnya. Mungkin dia sedang memasak.

Yang seorang itu bercerita kepada bapanya tentang kerja-kerja yang dibuat mereka berdua pada hari itu. Katanya barang itu tidak lama lagi akan siap. Orang tua itu lalu memberitahu kepadanya supaya membawa aku bekerja bersama mereka. Dia tidak berkata apa-apa.

Aku bertambah hairan bila sekali sekala orang tua itu membuka jendela dan melihat ke satu tempat di belakang rumah itu. Beberapa ketika kemudian kelihatan lampu picit kecil menyuluh ke sana ke mari menuju rumah itu.

Tidak jauh dari rumah itu kedengaran bunyi orang bercakap-cakap. Tidak lama dari itu orang-orang itu pun naik dari tangga dapur. Pintu dapur itu tidak berkunci. Bila mereka masuk mereka menolak sahaja pintu itu dari luar. Setelah bercakap-cakap sebentar dengan anak orang tua itu seorang daripada mereka masuk dahulu. Bila orang itu berhadapan dengan kami berdua orang tua itu pun berkata. "Mengapa terlambat datang?"

Orang yang datang itu belum juga menjawab pertanyaannya. Dia melihat mukaku ketika itu. Aku memang kenal dengan orang itu.

"Kami terlupa sesuatu," dia menjawab ringkas. "Kau di sini Ah Lang."

Belum dia habis berkata-kata tiba-tiba yang lain-lain itu datang. Mereka semuanya lima orang. Yang

seorang itu cepat mengenali aku. Dia ialah ketua mereka.

"Di sini rupanya kau. Sekarang kau nak mengintip kami pula. Kau fikir kau senang nak menangkap kami? Fikir cukup-cukup dulu. Sekarang kau berhadapan semula dengan kami. Kau mesti memilih di antara dua pilihan. Bersama kami atau kami akan mengambil tindakan? Kau inilah yang membahayakan kedudukan kami di Dusun Lalang dulu. Kalau aku menurut hati, kau mesti kubunuh."

"Inilah rupanya orang yang lari dari kita," kata salah seorang dari mereka lagi. "Lari dari mulut harimau dia mahu masuk ke mulut buaya!"

Nampaknya mereka mahu cepat berlalu dari situ. Mungkin mereka menyangka aku seorang pengintip rahsia mereka. Mereka menanya tentang senapang dan pistol buatan tangan yang dibuat oleh tukang-tukang besi untuk mereka. Dalam percakapan mereka nampaknya orang ini menjadi kakitangan mereka itu. Di sini teringat aku ketika aku masih di dalam bandar. Penyokong-penyokong kami memberi wang dan barang-barang lain.

Seorang daripada anak orang tua itu turun bersama tiga orang daripada mereka. Mungkin dia menunjuk tempat mereka berdua menyimpan senjata itu. Beberapa ketika kemudian seorang daripada mereka yang

di bawah itu bersiul-siul. Mereka yang di atas itu pun bergerak hendak meninggalkan rumah itu.

"Ah Lang, kau mesti ikut kami! Kalau kau berdegil, lihat ini!" Dia menunjuk pada pistol yang ada di pinggangnya itu. "Kau mesti balik bersama-sama kami."

Aku terpaksa menurut mereka. Aku bergegas bangun. Seorang dari mereka mengikuti belakangku. Dia menjaga supaya aku tidak dapat lari. Kami berjalan menuju ke dapur tempat mereka mula-mula naik tadi.

Kami turun melalui pintu belakang. Tiga orang daripada mereka sudah sedia menunggu dengan senjata yang dibuat oleh anak-anak orang tua itu. Senjata-senjata itu diikat dalam tiga berkas. Mereka bertiga itu memikul senjata dan ketua itu berjalan di belakang mereka bertiga dan yang seorang itu berjalan di belakangku.

Kami berjalan mengikut jalan yang biasa dilalui oleh mereka itu. Jalan ini melalui paya bekas jerami orang. Tidak berapa lama kami berjalan di dalam paya itu kami pun sampai pada tanah rata. Jalan ini di bawah dan di antara pohon-pohon kayu.

Setelah berjalan sejauh kurang lebih dua batu kami pun sampai pada lereng sebuah bukit. Bukit ini curam sahaja pada lereng sebelah barat dan di situ ditumbuhi rumput-rumput yang tinggi. Kami berjalan di antara

rumput-rumput itu. Dari cahaya lampu mereka dapat juga aku melihat bahawa di tepi-tepi jalan yang kami lalui itu ada ketul-ketul batu yang besar.

Di sini mereka tiba-tiba berhenti. Ketua mereka berlari ke hadapan kerana hendak membuat sesuatu. Dia berdiri di hadapan sebatang punggur yang besar. Kulit punggur itu dibukanya dan pada batang punggur itu ada pintu masuk. Dia masuk diekori oleh tiga orang yang memikul senjata-senjata itu. Aku masuk, kemudian diikuti oleh orang yang mengekori tadi.

Orang yang mengekori di belakangku tadi menutup semula pintu tempat kami masuk itu. Dia menyuluh ke depan dan memerintah aku supaya berjalan. Aku berjalan menurut perintahnya. Dari sinar cahaya lampu yang disuluhnya dapatlah aku mengetahui bahawa yang kami masuki itu ialah sebuah gua.

Sungguhpun disuluh dengan lampu picit namun keadaan di situ sangat gelap. Cahaya lampu itu tidak dapat menembusi jauh.

Setelah berjalan teraba-raba kudengar mereka yang membawa senjata-senjata tadi meletakkannya di atas tanah. Dan di sana kelihatan sebuah pelita malap, seperti pelita orang menghisap candu. Mungkin lampu itu sebuah lampu angin. Setelah berjalan beberapa langkah ke depan kami yang di belakang sekali pun sampai ke tempat yang terpasang lampu angin itu.

Di dalam keadaan yang gelap itu tiba-tiba salah seorang daripada mereka itu menghidup korek api,

setelah menyuluh ke sana ke mari. Dari cahaya api benda yang dibakarnya itu ternyatalah dia sedang memasang lampu gas.

Keadaan tadi yang gelap gelita kini mulai cerah sedikit, sebab lampu itu telah mulai bersinar. Semakin lama cerah sedikit, tetapi tidaklah begitu terang seperti dipasang di dalam sebuah rumah. Setiap orang sudah dapat dilihat dan dikenal. Ketua mereka dan seorang lain masih tercegat, yang tiga orang itu masih duduk di tepi senjata dan mata mereka tertumpu pada lampu itu.

Lampu itu diletak oleh orang yang memasang tadi ke atas seketul batu besar. Mereka yang duduk di tepi senjata itu pun membuka ikatan senjata itu. Ketua yang tercegat tadi mulai memberi perintah kepada salah seorang daripada mereka.

"Awak jaga si bedebah ini Ang Kong. Jangan sekali-kali biarkan dia lepas. Kalau awak perlu pertukaran jaga bolehlah awak mengerak salah seorang daripada kami di sini. Yang lain-lain boleh pergi tidur kalau sudah siap kerja menghitung dan lain-lain."

Habis menghitung dan meletak senjata-senjata itu, yang lain-lain itu pun pergi tidur di atas ranting-ranting kayu yang dibuat mereka tempat tidur. Mereka masing-masing menaruh senjata di sisi mereka berbaring itu; barangkali sudah berisi. Salah seorang

daripada mereka meletak parang di sisi tempatnya berbaring itu.

Hanya aku dan Ang Kong yang menjaga itu sahaja yang tidak berbaring. Ang Kong dengan tugasnya menjaga aku dan keselamatan mereka semua. Di tanggannya terpegang sepucuk senapang patah. Dia tidak melepaskan diriku dari cengkaman mereka. Aku menjeling kepada senjata-senjata dan lampu-lampu picit yang dibawa mereka tadi. Ang Kong mungkin sudah merasa mengantuk, kerana sebentar-sebentar dia kelihatan menguap.

Mereka yang tidur itu berdengkur seperti bunyi orang sedang berdayung. Aku ingin mengambil kesempatan ini untuk melarikan diri. Kalau aku dapat memadam lampu gas itu dan mengambil lampu picit mereka, peluang untuk lari akan terbuka. Mereka akan teraba-raba. Selain dari itu aku perlu parang yang terletak dekat salah seorang daripada mereka itu.

Aku berfikir-fikir bagaimana hendak bergerak serentak. Ilmu silat yang aku pelajari selama tiga tahun sebelum aku memasuki kumpulan mereka itu tentu sahaja boleh menumpas Ang Kong yang sedang duduk itu. Dia sudah berkali-kali menguap dan tentu akan menggerak penggantinya. Aku ingin mengambil kesempatan ini. Kalau peluang ini aku lepas mungkin

pagi menjelang pun kawannya yang sudah tidur itu tidak akan mengantuk lagi.

Aku melompat menyambar senapang di tangan Ang Kong sambil menendang lampu gas di hadapan itu. Senapang itu aku lempar jauh dan parang sudah dapat kusambar dengan tangan kiriku. Aku kemudian terus menyambar lampu picit itu. Suasana kecuh mulai merangkum gua itu. Mereka yang tidur tadi terus bangun teraba-raba di dalam gelap itu. Mereka tidak tahu mana musuh dan mana kawan. Aku cepat-cepat merangkak ke pintu gua itu.

Beberapa ketika kemudian kedengaran satu das tembakan dan berikutan itu kedengaran orang menjerit. Aku tidak mahu berdiri, kerana takut mereka menembak ke arah pintu gua itu.

Susah juga aku mencari pintu gua itu, tetapi kemudian aku tiba-tiba tersentuh benda yang ringan. Benda itu terus berderap kutolak. Rupa-rupanya apa yang kutolak itu ialah pintu gua itu; yang dibuat dari kulit kayu. Aku terus berlari keluar.

V

Pagi itu cuaca muram sahaja. Awan hitam bergayut dan berarak-arak di angkasa. Mungkin juga hujan akan turun. Di hari-hari yang sudah hujan turun tidak berhenti-henti. Di sekitar gua tempat aku bersembunyi itu dibanjiri air. Nasib baik juga pada petang kelmarin

aku sempat menyedia ranting-ranting dan dahan-dahan kayu untuk unggunanku di dalam gua itu. Dan sempat juga aku menyiap ranjang untuk aku tidur pada malam hari.

Hawa malam hingga ke pagi amat sejuk, serasa mencungkil tulang. Tambahan pula aku tidak punya kain selimut. Hanya yang ada padaku ialah dua pasang seluar panjang dan dua pasang seluar pendek.

Di dalam gua tempat aku bersembunyi itu gelap sahaja. Rengit dan serangga tidak terkira banyaknya. Aku cuba menghidup api yang kunyala pada malam itu. Susah benar hendak menghidup api itu, sebab air hujan menitis menimpa di atas api yang baharu hendak menyala itu.

Aku kira pada hari itu aku akan keluar mencari umbut-umbut rotan dan mengail ikan di sungai yang tidak berapa jauh dari situ. Aku menunggu dan berharap-harap semuga hari itu cerah, tetapi hari tidak juga cerah.

Hampir tengahari baharulah matahari mulai memancar sinarnya menembusi kabus-kabus yang semakin nipis itu. Aku mencapai parang dan kailku, kemudian melangkah keluar dari dalam gua itu. Aku merempuh rumput-rumput tajam seperti rumput yang terdapat di hadapan gua di mana aku telah dibawa oleh mereka yang berlima beberapa hari yang lalu. Rumput

itu tumbuh di kawasan yang sebesar rumah di hadapan gua itu.

Aku berjalan sambil mencari-cari anak-anak rotan yang boleh dimakan umbutnya. Setelah lama baharulah aku dapat apa yang kucari itu. Kemudian aku pun berjalan.

Aku berjalan perlahan-lahan di tebing sungai itu. Kemudian kuhulur kailku ke dalam sungai itu. Umpan kailku terus disambar ikan yang memang banyak di situ.

Ikan-ikan itu kucucuk pada seutas rotan. Kemudian aku pun berjalan balik menuju ke gua tempat aku berteduh.

Sesampai aku di sana aku pun menyalakan api dan membakar ikan dan umbut-umbut tadi. Apabila terasa kenyang baharulah aku berhenti. Kemudian aku pun baring di atas ranjang dan mengenang-ngenangkan nasibku. Di dalam ingatan yang berjela-jela itu tiba-tiba aku teringat akan surat yang dikirim oleh temanku dan surat yang kubuat sendiri. Surat-surat itu tertinggal di rumah Penghulu Lunang.

Sedang aku tenggelam jauh di dalam ingatan dan kakiku kubuai-buai, tiba-tiba aku mendengar bunyi orang menetak sesuatu tidak jauh dari tempat itu. Kudengar benar-benar bunyi itu sambil menanti-nanti

kalau-kalau ada orang yang berjalan menuju ke tempat aku berteduh itu.

Bunyi itu lantang sekali seperti bunyi orang memotong kayu. Aku bangun mencapai parang dan melangkah keluar dari gua itu dan berjalan menuju ke arah bunyi itu tadi.

Bila aku sudah hampir dengan bunyi itu tiba-tiba bunyi itu berhenti. Aku berjalan terus. Kemudian aku dengar bunyi orang bergaru. Kuhampiri bunyi itu. Seorang lelaki sedang duduk membelakangiku.

Kuhampiri dia. Dia menoleh. Nampaknya dia terperanjat melihat seorang manusia lain berdiri dekatnya. Dari wajah dan ukiran di badannya dapatlah aku faham bahawa dia seorang Iban. Aku segera menegur.

"Nama gaga aya?"

"Ngambi kayu."

"Jauh ngambi kayu neh."

"Enda jauhnya. Sigi dito belama meh aku ngambi kayu."

Dia mengambil tempat rokok dari pinggangnya. Dibukanya buluh tempat simpanan rokok itu. Dia mengambil macis besi dari dalam tempat rokok itu,

kemudian menekan tangannya kepada pemetek api macis itu. Dua tiga kali dia memetik pemetik itu baharulah terbit api. Dia mencecah rokok itu kepada api yang sedang menjulang turun naik itu.

"Ngisap" katanya sambil menyurung tempat rokok yang masih terbuka itu kepadaku.

Aku mengambil sebatang rokok apung itu dan menjemput sedikit tembakau dari dalam tempat rokok itu.

"Ari ni di tadi?"

"Nginti," jawabku ringkas.

"Kati, boleh ga?"

"Boleh ga tiga iko. Di gantung aku ba daun kayu din," kataku cuba berbohong pada orang tua itu.

Suasana lengang sekejap, sebab kami masing-masing tidak bercakap.

"Jauh endor rumah kita?" tanyaku semula.

"Sejam bekayuh."

"Kati, bisi orang perintah datai bak rumah kita dia?"

"Bisi, bala sida renjes udah tiga kali datai bak endor kami."

"Ni baka sida orang alam utannya bisi ga datai dia?"

"Nya meh sida renjesnya datai dia, laban Tuai Rumah bisi madah ke orang enda di kelala datai dia."

Aku merasa cemas bila orang tua itu mengata bahawa tempat itu selalu dilawati oleh pihak berkuasa dan didatangi oleh orang yang aku singkir selalu. Aku takut kalau-kalau orang tua itu membawa berita bahawa di dalam hutan itu ada seorang tidak dikenali.

Perbualan kami terputus bila orang tua itu tiba-tiba bangun dan berkata, "Mupok meh aku" dan mengangkat potongan kayu tempatnya duduk tadi dan meletaknya ke bahunya.

Bila orang tua itu sudah jauh aku pun berjalan pulang ke gua mengikut jalan yang kulalui tadi.

Kerana tidak ada apa yang hendak kubuat kecuali makan dan menunggu petang dan malam, aku mencabut parangku kerana hendak meraut ranting-ranting kayu untuk menyalakan api.

Malam itu hujan tidak turun lebat seperti yang kusangka petang tadi, tetapi halilintar dan guruh bagai

membelah bumi. Sekali sekala aku terkejut oleh bunyi petir yang maha dahsyat itu.

Pagi itu aku keluar seperti biasa, tetapi setelah aku mengail ikan dan mengambil umbut aku tiba-tiba terlihat seorang askar sedang berjalan meronda di kawasan itu. Nasib juga aku tidak dilihatnya; kerana jarak kami agak jauh. Aku segera menyingkir diri dari situ. Aku berfikir esok aku mesti meninggalkan tempat itu.

VI

Bunyi wak-wak bersahut-sahutan. Hari masih awal pagi dan hutan masih berkabus-kabus. Banjaran bukit yang kulalui itu bertali-tali, kerana itu aku jarang sekali berjalan di dalam paya. Dan keadaan ini mencepatkan perjalananku. Aku sudah berjalan kira-kira dua batu. Aku mulai mengubah hala perjalananku, kerana aku percaya hala itu menuju ke kawasan tempat tinggal bapa saudaraku. Itulah tempat yang hendak kutuju.

Biasanya aku dapat berjalan lama-lama, tetapi kali ini aku terasa letih benar setelah berjalan hanya beberapa jam. Aku terpaksa berhenti bila terasa letih.

Setelah berhenti penat aku pun memulakan perjalananku. Kali ini aku mulai berjalan menurun.

Bila sampai di kaki bukit itu aku mulai menjejak kakiku di dalam paya itu.

Kira-kira empat jam aku berjalan di dalam paya itu baharulah aku sampai ke seberang paya itu. Di sana aku berhenti rehat di bawah sepohon kayu yang besar. Dari celah-celah daun kayu itu kelihatan matahari sudah condong ke barat. Mungkin waktu itu sudah pukul satu atau pukul dua petang. Perjalanan yang hendak kuteruskan itu masih jauh. Aku mesti menyeberangi empat hulu sungai sebelum aku sampai ke tempat bapa saudaraku itu.

Tujuanku pergi ke tempat bapa saudaraku itu ialah untuk bersembunyi di sana. Aku berniat tidak akan keluar-luar dari rumah lagi. Di sana kalau aku tidak bekerja pun tidak menjadi apa, sebab bapa saudaraku tentu mengerti hal yang sebenarnya bila aku menjelaskannya.

Setelah puas berehat aku pun berjalan semula. Beberapa ketika kemudian aku pun sampai ke sebuah sungai. Aku pun menyeberang sungai itu; hulunya tidak begitu dalam. Hatiku terasa lega; nampaknya hala perjalananku itu betul. Aku kira bila sampai pada sungai yang kedua aku akan mengikut tebingnya ke hilir, mudah-mudahan berjumpa orang yang boleh dijadi tempat bertanya.

Hari sudah hampir senja. Aku tidak mahu lagi meneruskan perjalananku; pertama aku sudah letih,

kedua aku tidak ada perkara yang hendak ditakutkan sangat, sebab di tengah-tengah hutan tebal begini tidak mudah dilalui oleh manusia waktu malam.

Tidak berapa lama kemudian hari pun mulai gelap dan cengkerek bernyanyi bersahut-sahutan. Aku juga telah siap membuat sebuah langkau.

Aku duduk di atas langkau yang hanya beratapkan daun isang (sejenis daun hutan). Cahaya bulan mulai memancar dari celah-celah daun. Semakin lama cahaya bulan itu semakin terang dan sang pungguk berbunyi mendayu-dayu.

Kerana terlalu letih berjalan pada siang tadi aku pun berbaring. Sekejap sahaja aku sudah terlena. Tetapi subuh-subuh lagi aku sudah terjaga.

Aku menunggu siang benar, kerana aku hendak mencari umbut-umbut untuk makananku pagi itu, supaya aku dapat meneruskan perjalananku. Bila hari sudah siang aku pun mengambil parangku dan mengikatnya ke pinggang, kemudian kuambil kantungku, kusangkut ke bahu. Aku pun turun dari langkau itu untuk meninggalkannya buat selama-lamanya. Aku berjalan sambil mencari-cari umbut-umbut yang boleh dimakan, tetapi aku tidak lupa membetul halaku menuju ke timur.

Setelah berehat aku pun berjalan semula. Kali ini aku tidak berjumpa dengan sungai. Hari sudah hampir

petang. Aku membuat langkau sekali lagi seperti langkau yang kubuat pada hari yang lalu. Aku terasa gelisah. Entahkan aku boleh sampai, entahkan tidak. Badanku terasa sakit-sakit dan letih. Tetapi aku tidak putus harapan. Aku akan meneruskan perjalananku.

Malam itu aku tidur di situ dan awal-awal pagi aku sudah berangkat. Tidak berapa lama aku berjalan aku pun sampai ke tebing sebuah sungai. Sungai itu agak besar sedikit dari sungai yang kulalui sehari yang lalu. Bila aku melihat sungai itu terasa lega sedikit fikiranku.

Aku terus berjalan menuju hilir sungai itu. Sungguhpun aku berjalan tidak berhenti-henti sehingga tengahari, namun belum juga aku berjumpa rumah orang. Aku terpaksa berehat kerana terlalu letih. Di sini pun aku terpaksa mencari umbut-umbut dan membakarnya untuk alas perut tengahari itu. Setelah berehat aku pun berjalan semula.

Matahari sudah jauh condong ke barat, tetapi aku belum juga berjumpa dengan manusia. Aku mengeluh; kakiku terasa terlalu penat dan sakit. Aku berjalan perlahan sahaja lagi mengikut tebing sungai itu. Apabila sampai di satu tempat hatiku merasa lega sedikit kerana di sini aku melihat sebuah huma yang subur.

Di tengah-tengah huma itu ada sebuah pondok yang beratap daun nipah. Aku berjalan menuju sisi huma

itu. Aku tidak mahu masuk terus ke dalam huma orang itu, kerana biasanya orang-orang ulu mempunyai pantang larang masuk ke huma sembarangan. Aku berjalan sambil mencari jalan orang masuk ke huma itu. Rupanya huma itu terbentang hingga ke tebing sungai. Di situ kulihat sebuah perahu sedang terikat.

Tidak jauh dari perahu yang terikat itu aku nampak jalan masuk ke huma itu. Aku ikut jalan itu. Dari jauh aku sudah nampak peladang itu sedang membelah kayu di hadapan pondoknya. Aku menghampirinya. Aku tidak dapat mengenali orang apakah dia.

"Apa bikin kawan?" tanyaku.

Dia menoleh ke arahku. Dia tercengang melihat aku. Lama dia tidak menjawab.

"Mana lu datang?" tiba-tiba dia bersuara.

"Saya datang sana," jawabku sambil menunjuk tempat aku datang tadi. Dia menganggok-nganggok kepalanya.

"Tidak pandai cakap," katanya sambil menggeleng-geleng kepalanya. Dari caranya berbahasa dapatlah aku mengerti bahawa orang ini jarang-jarang sekali datang ke pekan atau ke bandar.

"Boleh lumpang tidur?" tanyaku.

Dia belum faham. Aku memberi isyarat menyingit kepalaku dan menaruh tanganku di bawah kepala. Dengan isyarat ini baharu dia mengerti. Dia memberi isyarat menyuruh aku naik. Aku pun naik.

Aku duduk-duduk di dalam pondok itu sambil memerhati keadaan di dalamnya. Kulihat ada sebatang lembing; barangkali lembing itu juga sebagai sumpit, dan tempat ipuhnya tergantung di tepi dinding.

Setelah habis membelah kayu baharulah orang itu naik ke pondok itu. Dia tidak bercakap, hanya terus membawa kayu-kayu yang sudah dibelahnya itu dan meletaknya ke atas para.

Lepas itu dia pun membuka sebuah bekas tempat menyimpan beras. Aku bangun dan menghampirinya. "Ada lagi ini macam?" tanyaku sambil menunjuk pada beras itu. "Saya mahu beli."

"Ada" katanya. "Ini," katanya lagi sambil memberi kira-kira segantang kepadaku.

"Tak usah banyak, ' kataku sambil memberi balik setengah gantang. Aku membawa beras itu ke tempat aku duduk, kemudian aku melihat di dalam kantungku kalau-kalau masih ada wang.

Nasib baik juga wang yang kuselit di bawah lapisan kantungku masih ada. Aku mengambil tiga keping wang seringgit dan memberinya kepada orang itu.

Dia mengambil wang itu. Kami tidak tawar menawar; bahkan aku merasa puas hati dengan pemberiannya itu.

Setelah memberi aku beras itu, dia pun mencuci beras yang sudah diisinya di dalam periuk. Dia menyalakan api kemudian meletak periuk itu di atas tungku. Dia menunggu di sisi dapur itu tanpa bercakap-cakap denganku.

Bila nasi itu sudah masak dia pun menghidangnya di dalam dua buah pinggan yang diambilnya dari tepi dinding. "Makan" katanya sambil mengunjuk pinggan nasi itu kepadaku.

Kami berdua pun makan. Orang ini nampaknya gelojoh, seperti aku yang lama tidak makan nasi. Nampaknya habis semua nasi yang ditanaknya itu.

Lepas makan kami masing-masing duduk berjauhan dan menyandar belakang ke dinding pondok yang dibuat daripada kulit kayu itu.

"Selalu olang latang sinikah?" tanyaku.

Dia menggeleng-gelengkan kepalanya. Entah tidak ada orang yang datang atau dia tidak mengerti. Aku pun tidak tahu. Aku tidak mahu bercakap lagi. Pertama kerana orang itu tidak mengerti cakapanku dan kedua kerana badanku terlalu letih.

Aku merebahkan badanku dengan berbantalkan

kantungku yang kubawa tadi. Terasa juga curiga hatiku bila hendak melelapkan mataku. Orang itu juga mungkin curiga terhadapku, kerana dia juga tidak tentu melelapkan matanya. Kelihatan dia gelisah. Bila pagi menjelang kami masing-masing bangun. Aku sudah bersedia hendak berjalan. Aku melihat ke sana ke mari kalau-kalau ada buluh tumbuh berhampiran dengan huma orang itu. Tidak ada sepohon buluh pun tumbuh di situ.

Kalau ada buluh dapatlah aku mengambil seruas dua untuk menanak nasi. Di tebing seberang sungai itu nampaknya ada rimbunan buluh.

"Boleh hantar sana?" tanyaku sambil menunjuk ke seberang sungai itu.

"Boleh, boleh, ' jawabnya.

"Mari, ' kataku sambil memberi isyarat.

Dia mengikut aku. Kami berdua berjalan menuju ke pangkalan. Sesampai ke pangkalan aku pun masuk ke dalam perahu, disusuli pula oleh orang tua itu. Dia mencapai pengayuh dan berkayuh menuju ke seberang, sementara aku duduk melutut di haluan perahu. Sampai di tebing seberang aku mencari-cari wangku. Kuberi seringgit kepadanya.

Aku naik ke tebing dan mengucap terimakasih kepadanya. Dia memutar haluan perahunya; aku ber-

jalan menuju ke hutan. Burung-burung berkicauan dan bersiul-siul di kiri-kananku. Tengahari baharulah aku berhenti dan memasak nasi.

Setelah makan dan berehat-rehat kira-kira sejam aku pun berjalan semula. Hari sudah rambang petang. Tidak lama kemudian aku pun sampai ke tebing sungai. Terasa lega fikiranku kerana aku percaya mungkin sungai inilah sungai yang ketiga. Tidak lama kemudian aku pun sampai ke sebuah jerami.

Sedang aku berjalan di dalam jerami itu tiba-tiba aku terdengar bunyi ranting kayu dipijak orang. Bunyi itu menuju hala ke arahku. Aku diam. Bunyi desus daun-daun kayu terus maju ke arahku. Debaran jantungku mulai kencang. "Mungkin pasukan pihak yang berkuasa sedang meronda," fikirku. Aku terus diam. Tiba-tiba muncul seorang yang berbadan tegap, memakai baju biru yang sudah luntur dan berseluar biru tua. Aku memang kenal dengannya.

"Sekarang kita mesti membuat perhitungan," katanya. "Kau telah lari dari kami dan kami sedang mencari-cari kau. Kau juga telah menyebabkan kawan kami luka di dalam gua. Tentu kau masih ingat lagi. Kau pun sudah kenal siapa aku. Guru silat yang mengajar di dalam kumpulan kita dan mendapat sanjungan dari kawan-kawan!"

"Kalau kau mahu membuat perhitungan aku terpaksa menurut," kataku. Aku tidak pernah belajar ilmu silat dengankau. Tetapi kalau kau menjual aku

sedia membeli!" Aku tidak takut sebab dia tidak membawa senjata api.

Belumpun habis aku berkata-kata dia terus melompat ke depan seperti harimau ganas. Tangannya menumbuk aku bertubi-tubi. Hampir tumbang aku dibuatnya. Aku pun cuba mempertahankan diriku. Sambil menepis aku terus menyerang dengan kaki dan tanganku menyebabkan dia hampir tumbang sebab kakinya berlega dengan anak-anak kayu.

Hari sudah hampir petang. Hatiku amat marah, kerana dia menghalang aku dari mencari rumah orang. Namun aku belum dapat menumpaskan dia. Tumbukanku sudah mengena, tetapi tidak begitu kuat. Aku menanti dia membuat serangan baru. Aku sudah faham langkah-langkahnya. Dia membuat serangan sekali lagi dengan langkah yang agak ganjil dan cepat, tetapi aku nampak gerak langkahnya, dan terus menggeliat dan membuat pukulan yang tidak dapat dielaknya lagi.

Dia jatuh tersungkur, dan kedengaran suara dari kerongkongnya seperti jentera kehabisan minyak. Aku menunggu kalau-kalau dia bangun, tetapi dia tidak bergerak. Entahkan dia hidup entahkan mati. Aku terus berlalu dari situ mengikut tebing sungai. Hari sudah hampir malam.

VII

Dari jauh aku mendengar suatu bunyi. Bunyi itu seakan-akan bunyi orang memahat kayu. Aku berjalan

perlahan-lahan sambil membongkok-bongkok badan. Semakin dekat semakin jelas bunyi itu kedengaran, tetapi ianya datang dari pokok kayu. Aku mengintip bunyi itu dari celah-celah daun. Rupa-rupanya seekor burung belatuk besar sedang menebuk lubang di pohon itu.

Belatuk. Seekor belatuk telah membuat aku terhendap-hendap. Memang aku selalu khuatir sejak aku berjumpa 'guru' petang kelmarin. Mujur juga dia dapat aku tewaskan dan aku berjumpa sebuah rumah orang lewat petang. Aku tidak mahu hal seperti itu berlaku lagi.

Awal pagi aku sudah bertolak dari rumah tempat aku menginap itu. Aku berjalan sepanjang hari. Badanku terasa letih. Aku kira hendak menumpang di rumah orang lagi pada malam itu. Dari permulaan perjalanan tadi aku sudah banyak kali berehat. Hari itu aku sudah dapat berjalan jauh seperti di hari-hari yang lalu.

Hari sudah hampir senja namun aku belum juga sampai ke sungai dan belum juga berjumpa dengan rumah orang. Menjelang senja baharulah aku berjumpa sebuah bukit bekas huma orang. Di situ juga ada jalan kecil yang nampaknya selalu dilalui orang. Aku berhenti di situ kerana terlalu penat.

Setelah berehat aku terasa segar semula. Aku bangun dari tempat dudukku dan berjalan mengikut

Aku menunggu dia bangun tetapi dia tidak bergerak.

jalan kecil di hadapanku itu. Jalan itu di tengah-tengah bukit dan melalui bekas huma orang.

Sedang aku berjalan tiba-tiba di hadapanku - kira-kira setengah batu - kelihatan api menjulang-julang naik ke udara. Aku mempercepatkan jalanku. Aku percaya di sana mungkin ada rumah orang. Tetapi belumpun aku sampai ke tempat itu, tiba-tiba kedengaran bunyi kaki orang berlari-lari menggegar bumi menuju ke arahku. Aku segera menyuruk di dalam rumput-rumput di situ.

Tidak lama kemudian kulihat tiga orang sedang berlari-lari melalui jalan itu. Dalam sinaran bulan yang terang itu aku nampak seorang daripada mereka membawa senjata api dan yang dua orang itu tidak ada membawa apa-apa. Mereka berdua berlari di hadapan orang yang membawa senjata api itu.

Beberapa ketika kemudian keadaan menjadi sepi semula. Aku bangun perlahan-lahan sambil melangkah keluar dari tempat persembunyianku itu. Aku melihat pada tempat terjadinya kebakaran itu.

Kerana desakan ingin tahu apa yang telah terjadi itu aku pun terus berjalan menuju ke tempat api yang sedang menjulang itu. Dari jauh aku sudah dapat melihat bahawa api yang menjulang-julang itu datang-nya dari sebuah rumah yang sedang terbakar.

Berdekatan dengan rumah yang berbakar itu ada empat lima buah rumah lain.

Aku menghampiri rumah-rumah itu. Dari jarak tigapuluh depa aku nampak orang sedang bekerja memadam api yang sedang menjulang-julang itu. Aku memerhati sahaja dari jauh. Dari percakapan mereka aku dengar kebakaran itu dilakukan oleh tiga orang penjahat.

Dari keadaan rumah yang didirikan orang di lereng-lereng bukit itu aku ingat bahawa aku pernah sampai ke daerah itu. Tempat itu hampir-hampir sama dengan kawasan yang tidak jauh dari kebun bapa saudaraku. Kalau berjalan kaki dari rumah bapa saudaraku ke tempat yang sedang kufikir itu perjalanannya memakan masa kurang lebih dua jam. Kawasan itu ialah kawasan yang menghadap teluk sungai yang di sebelah menyebelahnya bukit.

Kalau pun itu betul tempat yang pernah aku lalui, di dalam keadaan kacau bilau itu mungkin merbahaya juga pergi ke tempat itu. Tetapi aku mesti melintasi tempat itu sebelum aku dapat pergi ke rumah bapa saudaraku, sebab tempat bapa saudaraku di sebelah hilir tempat itu.

Di tempat seperti ini pula mungkin pihak yang berkuasa selalu meronda, tetapi kalau ada mereka meronda tentu orang-orang yang melakukan kebakaran itu tidak berani pergi ke situ. Bagaimana pula teman-

teman orang yang melakukan kebakaran itu? Mungkin mereka ada merayau-rayau di kawasan itu fikirku.

Kalau aku hendak melintasi tempat itu dengan tidak dilihat orang aku terpaksa masuk ke dalam semak-semak. Tetapi aku tidak dapat berbuat demikian kerana aku tidak punya bateri lampu picit lagi. Walaupun bulan masih terang benderang, semak-semak itu tidak dapat dijalan tanpa bersuluh. Aku mengambil keputusan untuk lalu di tempat itu pada waktu subuh sahaja; di kala orang sedang nyenak tidur.

Aku berundur dari tempat aku memerhati itu setelah api itu padam. Aku berjalan mengikut jalan yang kulalui tadi. Aku balik ke tempat aku berehat tadi.

Ayam entah sudah berapa kali kudengar berkokok. Aku bangun perlahan-lahan; sendi-sendiku lemah dan tulang-tulangku terasa pedih, dan perutku berkeroncong. Aku melihat pada bulan yang sudah hampir malap sebab ditelan kabus.

Cengkerek masih bersahut-sahutan di tepi jalan. Sang bayu menghembus sepoi-sepoi bahasa. Aku melangkah kakiku lambat-lambat sambil tanganku mengesat-ngesat mataku.

Segala peristiwa lama berkecamuk di dalam ingatanku. Semut api, ular, kala dan lipan yang

pernah aku pijak di malam seperti ini bermain semula di dalam ingatanku ketika aku sedang melangkah ke hadapan. Semut api seringkali menyebab aku ter-lonjak-lonjak bila berjalan di malam seperti ini.

Semakin dekat pada tempat kumpulan rumah itu semakin perlahan aku berjalan; sambil memerhati kalau-kalau ada orang sedang meronda atau mengintip orang yang berbuat jahat di tempat itu. Aku berjalan terbongkok-bongkok. Bila aku sudah dapat menyeberang kawasan itu dan hampir masuk ke dalam kebun-kebun getah aku tiba-tiba terlanggar dawai berduri.

Aku cuba menolak dawai-dawai berduri itu ke atas dan ke bawah, tetapi dawai itu terlalu tegang. Kerana itu aku terpaksa mencari kayu untuk menolaknya. Aku dapat anak kayu sepanjang tiga kaki. Kayu itu kuguna untuk menungkat di antara dua dawai berduri yang hendak kulalui itu.

Aku cepat-cepat melangkah kerana khuatir hari akan siang. Di waktu subuh beginilah biasanya orang menoreh getah. Aku berjalan dengan berhati-hati.

Kawasan ini pada satu masa dulu pernah aku jelajah, tetapi keadaan sekarang sudah banyak berubah. Di tempat rumah terbakar tadi dulunya tiada banyak rumah. Hanya dua buah sahaja. Kebun getah

di situ pun belum besar, tetapi kini sudah ditoreh orang.

Terasa senang sedikit fikiranku bila aku sampai ke kawasan kebun getah bapa saudaraku. Cuma yang aku khuatir ialah anjingnya. Mungkin anjing yang garang itu masih ada. Kerana itu aku bertekad hendak pergi ke rumah itu waktu pagi, apabila mereka sudah bangun. Aku pun berhenti duduk pada sebatang pokok getah yang sudah rebah.

Apabila hari sudah terang-terang tanah aku pun berjalan menuju ke rumah bapa saudaraku. Kebunnya luas, kerana itu dari jauh aku sudah nampak rumah itu sudah terbuka jendelanya. Aku cepat-cepat berjalan ke situ.

Sampai di kaki tangga aku terus naik dengan perasaan yang penuh kegembiraan, kerana aku sudah sampai pada tempat kuhajati itu. Aku terus masuk.

Tiba-tiba aku terlihat seorang tua yang berumur kira-kira enampuluh tahun. Aku terus bertanya, "Mana orang yang punya rumah ini, Tok?"

"Sayalah punya rumah ini," jawab orang tua itu.

'Mana bapa saudara saya, Ah Ling?" tanyaku lagi.

'Rumah dan kebun ini sudah dijual Ah Ling kepadaku. Kalau kau mahu berjumpa bapa saudaramu

bolehlah aku hantar ke sana petang nanti," kata orang tua itu.

"Baiklah, ' kataku, dan berharap semuga orang tua itu tidak menipu aku.

VIII

Rumah bapa saudaraku tidak berapa jauh dari kampung, tetapi ianya ,jarang didatangi orang kecuali yang ada urusan dengan bapa saudaraku.

Selama aku tinggal di situ fikiranku tidak juga tenteram. Cemas dan takut selalu menjangkau jiwaku. Aku tidak pernah turun ke tanah di waktu siang hari. Di waktu malam baharulah aku memijak kakiku ke tanah kerana pergi ke telaga untuk mandi.

Begitupun aku mengurung diriku namun sekali sekala aku terjumpa juga oleh orang-orang yang datang ke situ. Mungkin seorang dua dari yang datang itu tentu bercerita kepada yang lain tentang diriku.

Pada suatu hari bapa saudaraku berlari tergesa-gesa naik ke rumah. 'Ada orang yang tidak dikenali sedang menuju ke rumah kita. Segera engkau bersembunyi di balik barang-barang tu," katanya. Aku segera bangun.

Setelah aku bersembunyi kudengar bunyi kaki bapa saudaraku melangkah turun. Barangkali ada sesuatu

yang dibawanya dari rumah itu. Beberapa ketika kemudian kudengar bunyi kaki beberapa orang melangkah naik ke rumah itu. Degup jantungku bertambah kencang. Aku menunggu sahaja apa yang akan terjadi.

Mereka naik itu sambil bertanya sesuatu kepada bapa saudaraku. Tetapi aku tidak dapat mendengar dengan jelas apa yang ditanya mereka.

Kemudian kudengar seorang dari mereka berbual-bual dengan bapa saudaraku, sementara yang lain-lain itu berjalan ke sana ke mari di dalam rumah itu. Ke dapur dan ke pintu bilik begitulah bunyi kaki mereka berjalan. Sebentar-sebentar kudengar mereka berhenti. Mungkin memerhati. Beberapa ketika kemudian mereka kedengaran berbual-bual dengan bapa saudaraku.

Setelah berbual-bual kira-kira sesuku jam kedengaran salah seorang dari mereka mengucap selamat tinggal. Terasa lega pula fikiranku. Degup jantungku menurun. Tidak lama kemudian bapa saudaraku berdiri di pintu bilik. "Mereka sudah pulang" katanya.

Aku bangun dan keluar dari tempat persembunyian-ku itu.

'Nasib baik juga engkau segera bersembunyi. Kalau tidak tentu mereka terjumpa dengan kau.

Mereka bertanya samada ini rumah Ah Ling. Aku terpaksa mengaku. Kemudian mereka bertanya kalau-kalau ada orang lain tinggal di sini. Kataku Ah Nang pernah tinggal di sini, tetapi dia sudah balik kira-kira dua minggu yang lalu. Sekarang cuba kau ceritakan apa yang telah berlaku kepadamu."

"Baiklah," kataku sambil memulakan ceritaku.

"Setengah tahun saya duduk di Tingkatan Lima saya telah berkawan dengan seorang murid perempuan di dalam darjah itu. Persahabatan kami semakin hari semakin erat. Pada suatu hari dia datang ke rumahku. Setelah bercerita-cerita tentang perjuangan orang-orang besar dunia dia tiba-tiba bertanya samada aku mahu masuk pertubuhan mereka."

"Pertubuhan apa?" tanyaku. Dia tidak menerang tujuan pertubuhan itu.

"Nantilah aku bawa engkau ke dalam satu rapat umum dimana ketua kami akan memberi ucapan. Aku akan meminta persetujuannya supaya engkau dapat diterima ke tempat tersebut," katanya.

"Waktu mereka mengadakan perjumpaan itu aku pergi ke sana bersama kawanku itu. Kerana pujukan gadis itu aku pun menjadi salah seorang ahli kumpulan mereka."

Aku berhenti sebentar sambil menarik nafas panjang untuk melapangkan dadaku. "Sekarang aku

mahu menyerah," sambungku "tetapi aku takut, sebab satu pembunuhan yang aku ceritakan kepada Pak Ngah tempuh hari. Aku takut orang menyangka aku yang melakukan pembunuhan itu."

"Kalau begitu, kau diam sajalah di sini. Jangan keluar ke mana-mana," kata bapa saudaraku.

"Setakat mana saya boleh diam-diam di rumah Pak Ngah? Kalau saya dijumpai orang-orang yang memburu saya itu tentu saya akan dibunuh mereka, dan keselamatan Pak Ngah pun akan terancam. Mereka itu pasti mencari saya, selain dari menjalan tugas-tugas mereka sendiri, sebab mereka marah pada perbuatan saya."

"Kalau begitu tunggu saja buat sementara. Kalau ada orang yang menyerah boleh selamat, tentu engkau pun boleh menyerah dengan selamat. Di kala itu bolehlah kau menyerah diri. Kalau kau dihadap ke mahkamah mengenai pembunuhan itu bolehlah aku mencari peguam untuk membela kau," katanya lagi.

Terasa lega fikiranku bila Pak Ngahku memberi penjelasan.

Aku menunggu sahaja masa yang sesuai untuk menyerah diri. Lapan hari berselang sepasukan

askar pun datang ke rumah Pak Ngahku. Mereka sebenarnya sedang meronda di kawasan itu.

Sejak rumah bapa saudaraku didatangi orang yang tiga orang dulu aku selalu memerhati orang-orang yang berlalu di sekitar rumah itu dari celah-celah dinding. Kerana itu aku lebih dahulu tahu kedatangan askar-askar itu, dan menyembunyikan diriku di tempat aku bersembunyi dulu. Mengikut cerita Pak Ngahku orang-orang itu tidak semuanya naik. Hanya tiga orang sahaja yang naik dan yang lain berkawal di sekitar rumah itu.

Aku dapat juga mendengar butir-butir pertanyaan ketua pasukan askar itu. Di antara pertanyaan-pertanyaan itu: "Saya orang mahu tanya tukang. Saya orang harap tukang boleh tolong saya orang. Tukang ada tidak tengok orang-orang kominis jalan-jalan dalam tukang punya kebun?"

"Saya olang susah mahu kasih tau ini balang, oh, kata Pak Ngahku. "Saya takut nanti dia olang bikin jahat sama saya olang. Jalan-jalan dia olang kalang-kalang adalah. Dia olang suluh beli balang-balang sama olang."

"Tukang mesti jangan tolong sama dia orang."

"Susah oh," kata Pak Ngahku. "Nanti dia orang bikin jahat sama saya orang oh. Lu orang tidak

selalu tengok saya orang. Saya orang apa macam mahu lawan?"

"Lu orang boleh bilang dia orang punya tempat."

"Saya orang mana tahu."

"Baiklah tukang. Saya harap tukang boleh tolong saya orang."

Kemudian kedengaran hentak kaki mereka turun. Bila teringat pertanyaan ketua askar itu tadi teringatlah aku tentang perjuangan kami. Kami juga meminta sokong dari orang-orang ramai. Kadang-kadang ada yang berkata, "Siapa yang jadi raja itulah yang kami ikut."

Sejak itu selalulah askar-askar berjalan-jalan di kawasan kebun getah bapa saudaraku. Sungguhpun demikian orang-orang yang aku takut ada juga berjalan di kawasan itu ketika askar-askar itu tidak ada di situ. Perkara yang seperti inilah yang ditakuti oleh bapa saudaraku.

IX

Bunyi letupan yang bertalu-talu itu memecah keheningan malam. Letupan itu kedengaran tidak berapa jauh dari rumah bapa saudaraku itu. Kerana

itu kami seisi rumah itu merasa cemas. Fikir kami tentulah askar-askar itu bertempur dengan penjahat.

Kira-kira dinihari baharulah bunyi letupan itu berhenti. Sebenarnya perintah berkurung baharu sahaja berjalan dua hari. Waktu berkurung ini timbul pula kerumitan yang hebat di dalam fikiranku. Tetapi kalau tidak dikena perintah berkurung tentu aku susah lagi. Orang-orang yang sedang mencari-carikan aku bertambah mengsyaki aku sudah berada di tempat itu. Kalau tidak kerana perintah berkurung sudah tentu aku sudah dapat dicari mereka.

Sekarang aku hanya menunggu masa sahaja. Kalau ada pihak yang berkuasa datang memeriksa rumah-rumah orang aku mesti tertangkap. Tetapi aku sudah nekad. Biarlah aku ditangkap asalkan aku tidak lagi berada di kawasan itu.

Kalau aku di dalam penjara aku hanya menunggu pengadilan, tetapi di situ setiap detik aku merasa gelisah. Tidur tidak lena, mandi di waktu malam; itu pun setelah perintah berkurung aku tidak dapat turun malam lagi. Aku menyesal hidup begini.

Pagi mulai menjelang dan aku berharap dengan menjelangnya sinar terang akan terlepaslah aku dari segala mala petaka. Di dalam keheningan pagi itu tiba-tiba sebuah moto berenjin sangkut singgah di

pangkalan bapa saudaraku itu. Aku melihat dari celah-celah dinding depan rumah itu.

Dari pangkalan itu naik tiga orang askar berbaju hijau. Mereka terus berjalan mengikut jalan kecil di tepi rumah itu. Dari situ mereka terus berjalan ke tempat berlakunya letupan malam tadi. Kerana hendak melihat apa yang terjadi itu aku pergi ke dapur untuk melihat dari celah-celah dinding dapur. Emak saudaraku melarang aku melihat-lihat seperti itu; takut askar akan naik ke rumah.

Dari celah-celah dinding dapur itu aku dapat melihat mereka mengangkat beberapa orang mati. Di sana memang sudah sedia beberapa orang askar. Tidak lama kemudian orang yang membawa mayat-mayat itu di sisi rumah bapa saudaraku.

Mayat-mayat itu ada yang pecah kepala ada yang putus tangan, dan ada pula yang habis muka mereka.

Sampai ke pangkalan kedengaran askar-askar itu menghidup enjin motosangkut itu kemudian mereka hilir mengikut sungai.

Waktu minum pagi itu aku dan bapa saudaraku pun berbual-bual.

"Di sebelah darat rumah kita masih ada askar-askar meronda. Barangkali penjahat-penjahat itu masih ada," kata bapa saudaraku memulakan per-

bualan kami. "Malam tadi waktu aku bangun nak buang air aku lihat lampu-lampu sedang menuju ke mari. Setelah aku balik ke bilik kudengar bunyi beberapa tembakan. Barangkali orang-orang yang bertiga dulu itu hendak ke mari."

"Saya ingat Pak Ngah ada memelihara anjing garang waktu saya datang ke rumah ini dulu. Di mana anjing itu sekarang?" kataku mengubah perbualan itu. "Kalau ada anjing senanglah kita tahu kalau ada orang datang ke rumah kita Pak Ngah."

"Anjing itu sudah mati. Entah siapa yang membunuhnya aku pun tak tahu. Anjing itu selalunya merayau-rayau di kawasan rumah tu. Pada suatu malam ia tiba-tiba menyalak, kemudian terdengar satu tembakan, dan anjing itu berhenti menyalak. Paginya aku lihat anjing itu mati terbaring dekat satu tong di bawah rumah tu. Itulah sebabnya aku meninggalkan tempat itu."

"Kalau keadaan begini terus berjalan kan baik tinggal di bandar membuka perusahaan saja. Sekarang pun Pak Ngah sekejap menoreh getah sekejap berhenti. Pendapatannya pun tak sebegitu banyak, sebab harga getah sudah menurun," kataku.

"Aku fikir memang hendak membuka perusahaan di bandar tu. Aku masih menunggu jawapan dari seorang ahli perniagaan di bandar dan menanti pula

surat dari Pak Usu engkau. Kalau dia setuju kami akan sama-sama melabur modal. Kalau ahli perniagaan itu setuju kami menyewa rumahnya, aku akan pergi ke bandar dan merunding perkara itu," katanya.

"Cadangan Pak Ngah itu sangat baik. Kalau saya bebas dari segala perkara yang ada sekarang saya ingin menolong Pak Ngah," kataku.

"Sekarang sedar pun engkau. Kalau dulu engkau mahu berusaha alangkah baiknya. Sampai tak boleh menamat sekolah engkau kerana mahu berjuang kata engkau. Bapa engkau mati pun engkau tidak tahu!" Sambil bercakap sambil pula bapa saudaraku itu makan nasi bubur yang disedia di dalam mangkuk kecil di hadapan kami.

Setelah menikmati sarapan pagi kami berdua duduk tanpa bercakap-cakap lagi. Dia diam seperti ada sesuatu yang diingatkannya. Sebelah tangannya memegang paip yang tercuit di mulutnya dan matanya memandang ke atas di hadapannya.

Tiba-tiba aku teringat anaknya yang masih belajar di masa aku masih bersekolah dulu. "Di mana Ah Tee sekarang Pak Ngah?" Tiba-tiba pertanyaan itu meletus dari mulutku.

Seperti orang tidak mengerti atau tidak mendengar Pak Ngahku menyahut, "Hah?"

"Di mana Ah Tee sekarang?' kataku mengulang.

"Sudah bekerja di pejabat pertanian. Sekarang sudah dua tahun. Dua bulan lagi dia akan mengambil cuti tahunannya. Di masa itu kelak, menurut suratnya, dia akan balik ke sini selama seminggu, kemudian dia akan pergi makan angin ke Kuching. Cuba engkau tengok surat yang dikirimnya sebulan yang lalu. Surat ini berbahasa Inggeris; aku tidak tahu membacanya," katanya.

Dia pergi mengambil surat dari sebuah fail yang berisi resit dan bermacam-macam surat. Surat itu ditunjukkannya kepadaku. Surat itu dari kerajaan.

"Kalau anak saudaramu datang ke rumahmu tolong lapurkan kepada Kapitan atau Pegawai Daerah. Kami sangat-sangat memerlukan pertolongan darinya," bunyi isi surat itu.

Tersirap darahku bila membaca surat itu. "Apa, aku akan ditangkap?" fikirku. Aku terdiam sebentar itu. Agaknya Pak Ngahku melihat mukaku tiba-tiba berubah.

"Ada apa di dalam surat itu?' tanyanya.

"Surat ini dari Ketua Polis, Pak Ngah. 'Lapurkan kepada Kapitan atau Pegawai Daerah kalau ada anak

saudaramu datang ke rumahmu' begitulah kata surat itu Pak Ngah," kataku menerang kepadanya.

"Kalau begitu engkau hendak ditangkap," kata Pak Ngahku menambah kandungan surat itu. Di wajahnya terbayang kekhuatiran.

"Kalau aku lapur, engkau ditangkap, kalau aku tidak melapur nanti aku salah pada pemerintah. Bagaimana fikirmu?" tanyanya padaku.

Aku terdiam sebentar. "Lapur saja Pak Ngah," katatu. "Biarlah aku menerima hukuman."

Kami terus berbual-bual. Hampir tengahari baharulah kami berhenti berbual-bual. Lepas makan kami membaring untuk berehat-rehat. Pak Ngahku tidak kerja hari itu dan sejak tiga hari yang lalu, sebab keadaan selalu mencemaskannya. Yang banyak difikirkannya ialah tentang keselamatanku.

Sedang kami berbaring-baring tiba-tiba kedengaran kaki orang naik ke rumah itu. Pintu memang sudah berkunci, oleh itu aku tidak khuatir sangat; kerana itu akan memberi peluang untuk aku bersembunyi. Pak Ngah terus bangun dan aku segera hendak bersembunyi. Sebelum bapa saudaraku itu sampai ke muka pintu, pintu itu sudah diketuk orang.

"Ah Ling! Ah Ling!" bunyi suara memanggil dari luar. Tidak lama kemudian kedengaran bapa

saudaraku itu membuka pintu. Mungkin seperti biasa dia melihat dahulu dari jendela sebelum membuka pintu.

"Oh, Kapitan! Masuklah. Ada hajat besar nampaknya ni," katanya.

"Tentulah hajat besar," kata orang itu sambil tertawa.

Kemudian kedengaran mereka berdua duduk di atas kerusi.

"Saya dengar di sini ada anak dara. Betulkah begitu?" kata Kapitan itu bertanya sambil bergurau kepada Pak Ngahku.

"Apa maksud Kapitan sebenarnya?" tanya bapa saudaraku seolah-olah tidak mengerti.

"Sebenarnya saya hendak berjumpa dengan Ah Lang. Mengikut berita orang dia ada di sini. Saya hendak memberitahu kepadanya sesuatu. Kalau benar dia berada di sini saya hendak membawanya ke balai polis; kalau perlu memberi pertolongan kepadanya," kata Kapitan.

"Jangan serakap jarang Kapitan. Siapa beritahu Kapitan dia sudah berada di sini? Apa? Kapitan

hendak lapurkan kepada polis?" kata bapa saudaraku dengan suara yang besar.

"Awak belum faham. Ah Ling. Saya ditugas menyampai pesanan kepadanya. Jadi saya ingin bercakap berhadapan dengannya. Tak ada perkara yang hendak ditakut-takutkan. Kalau dia ada di sini panggil saja dia keluar," kata Kapitan dengan lembut.

"Ah Lang! Ini Kapitan mahu bercakap dengan engkau!" seru bapa saudaraku.

Aku keluar dari tempat persembunyianku. Waktu aku keluar dari bilik pandanganku terus tertumpu pada Kapitan yang gemuk itu. Dia menegur aku.

"Bagaimana, sihat sekarang? Duduklah di sini," katanya sambil menarik kerusi di sisinya itu. Kapitan ini periang orangnya. Wajahnya yang berseri-seri itu selalu melahirkan senyuman.

"Engkau pernah tak lari dari rumah Penghulu Lunang?" tanyanya padaku.

"Pernah, ' jawabku pendek.

'Mengapa engkau lari?"

'Aku takut dituduh sebagai pembunuh. Cubalah Kapitan fikir. Semasa aku berada di rumah itu Munir

anak penghulu itu tiba-tiba terbunuh. Kedua aku telah memasuki pertubuhan yang diharamkan oleh kerajaan."

"Itulah sebabnya aku datang ke mari, untuk menyatakan perkara itu. Sebenarnya aku ditugas oleh Pegawai Daerah supaya menyatakan hal ini. Surat-surat dan buku-buku engkau yang tinggal di rumah Penghulu Lunang semuanya sudah di tangan Kerajaan. Di dalam surat-surat yang banyak itu terdapat surat dari temanmu dan surat yang engkau buat, tetapi belum dikirimkan. Engkau menyata kepada menteri yang engkau hendak menyerah diri. Kenapa engkau belum menyerah diri, itulah yang menyebab aku datang ke mari. Pembunuh Munir itu sudah lama dapat dikesan dan pembunuh itu sudah ditembak mati tidak jauh dari kawasan itu beberapa bulan setelah engkau lari. Kerajaan sedia memaaf tentang kesilapan engkau memasuki pertubuhan itu."

Kapitan itu berhenti bercakap beberapa ketika. "Bagaimana sekarang, engkau mahu tak bersama aku menemui pegawai polis? Aku percaya mungkin mereka memerlukan pertolonganmu untuk bersama menghapus orang-orang yang khianat pada kerajaan. Kedua engkau perlu ditahan atau dijaga supaya keselamatanmu tidak terganggu."

"Baiklah, Kapitan," kataku.

"Motobotku sudah sedia di pangkalan. Baiklah

kita pergi sekarang. Dengan ini keselamatanmu akan terjamin."

Aku pun mengemas barang-barangku. Aku akan pergi bersama-sama Kapitan. Sebelum pergi aku mengucap selamat tinggal kepada bapa saudaraku. Dia memberi aku wang sebanyak tiga ratus ringgit untuk belanjaku di bandar. Lepas itu aku dan Kapitan pun berjalan turun ke pangkalan.

SELESAI

Harga M$1.20